

22 FEB 2000

Hamid-Indonesia

KL AKAN HANTAR MISI MENGUMPUL MAKLUMAT KE INDONESIA

PETALING JAYA, 22 Feb (Bernama) -- Malaysia akan menghantar misi mengumpul maklumat ke Jakarta tidak lama lagi untuk mengenalpasti bidang-bidang kerjasama dan bantuan bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi Indonesia, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Misi ke Jakarta itu mendahului lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Indonesia atas jemputan Presiden Abdurrahman Wahid.

"Dr Mahathir telah berkata beliau akan mengadakan lawatan seberapa segera," kata Syed Hamid kepada pemberita selepas merasmikan satu simposium antarabangsa mengenai perniagaan Malaysia dalam era baru di sini hari ini.

Kunjungan Dr Mahathir itu adalah sebagai susulan kepada pertemuan ringkas kedua-dua pemimpin di persidangan Unctad X di Bangkok awal bulan ini.

Semalam Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab menyampaikan sendiri jemputan itu kepada Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir telah memberitahu Alwi bahawa beliau akan membawa bersama sektor swasta semasa lawatannya kelak.

"Ia lebih kepada cuba mewujudkan perkongsian bijak yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak," kata Syed Hamid.

Menurut Syed Hamid Perdana Menteri telah mengarahkan beliau supaya membuat persiapan bagi lawatan itu termasuk menghantar misi mengumpul maklumat yang laporannya akan dikemukakan kepada kabinet.

Beliau berkata Jakarta telah mengutarakan beberapa perkara termasuk pembiayaan khas luar negeri bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi republik itu.

"Kita perlu melihat keupayaan kita dan kepentingannya bagi Malaysia," kata Syed Hamid sambil menekankan bahawa Malaysia berharap untuk mewujudkan perkongsian dengan Indonesia dan bukannya mengambil kesempatan daripada keadaan itu.

Simposium "Perniagaan Malaysia dalam Era Baru" itu adalah anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

-- BERNAMA

ES RON